

IBU SAYA

Orang yang paling saya (1) _____ ialah ibu saya. Ibu saya bernama Puan _____. Beliau merupakan anak (2) _____ daripada empat orang adik-beradik.

Pekerjaan beliau ialah (3) _____ di sebuah sekolah berhampiran rumah kami. Beliau (4) _____ mata pelajaran Matematik. Walaupun sibuk, beliau (5) _____ membahagikan masa antara keluarga dengan (6) _____.

Ibu saya sangat pandai (7) _____. Air tangan beliau sangat (8) _____ dan menyelerakan. Setiap pagi, beliau akan memasak (9) _____ dan menyediakan bekal untuk saya.

Pada masa lapang, beliau gemar menjahit (10) _____. Bekas tangan beliau sungguh cantik dan (11) _____. Ada juga rakan-rakannya yang meminta beliau menjahitkan sulaman pada baju kurung atau ceongsam mereka.

Sememangnya, tiada sesiapa dapat (12) _____ tempat ibu saya. Saya berharap ibu saya akan sentiasa sihat dan saya dapat membalas segala jasanya.

bijak	sayangi	lazat	sulaman
memasak	kemas	kerjaya	sulung
guru	sarapan	mengajar	menggantikan